



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-5018400 (Am)
05-5018401 (KHS)
No. Faks : 05-5018540 (KHS)
05-5018522 (Am)

Ruj. Kami : JKSPk 100-5/1 (53)
Takwim : 28 Jamadilawal 1433H
Tarikh : 02 Mei 2012M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No.2 Tahun 2012

Dokumen Yang Perlu Ada bagi
Kes Pengesahan Perkahwinan Berpoligami

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-undang, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 2 hingga 3 Mac 2013 di Mahkamah Syariah Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak No. 5 Tahun 2007 berkaitan dengan perenggan (i) iaitu; *Apa-apa bukti sama ada kertas pertuduhan daripada Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam yang berkenaan atau sabitan atau hukuman atau bukti bayaran denda daripada mana-mana Mahkamah Syariah berkenaan di bawah seksyen 42 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 adalah dibatalkan.*

Dokumen yang perlu ada bagi Permohonan Pengesahan Perkahwinan Berpoligami adalah seperti berikut;

- a. Permohonan.
- b. Afidavit Pemohon.
- c. Apa-apa afidavit Tambahan yang berkaitan.
- d. Surat Pengesahan serah diri daripada Bahagian Penguatkuasa Agama Islam
- e. *Salinan Kad Pengenalan.
- f. *Salinan sijil nikah yang hendak disahkan.
- g. *Salinan Pengesahan pemastautin atau bermukim.
- h. *Salinan surat Perakuan Nikah/Cerai/Rujuk/Mati.
- i. *Salinan pasport atau pas sempadan (sekiranya ada).
- j. *Salinan Kad Pengenalan saksi (sekiranya ada)
*semua salinan hendaklah diperakui sah oleh Pegawai Pengurusan Profesional / Penghulu / Pegawai yang setaraf dengannya.
- k. Kebenaran Pegawai Pemerintah bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia dan anggota polis.
- l. Pengesahan tauliah wali (sekiranya ada).
- m. Pengesahan status pihak-pihak.
- n. Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya perlu dan berkaitan).

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 2 Mei 2012



(DATO' HAJI MUHAMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN